

# TANGGAPAN TERHADAP TANGGUNGJAWAB PENYELIAAN GURU-GURU PELATIH

oleh

**Khadijah Zon, Zurida Ismail, Ismail Jusoh,  
Khatijah Khalid dan Mustapa Kasim**

Kajian ini telah dilaksanakan  
dengan biayaan  
Geran Penyelidikan Jangka Pendek  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
No. 131 - 0340 - 0070

PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
1992

# K A N D U N G A N

## PENGHARGAAN

### 1. PENGENALAN

1.1	Latar Belakang	1
1.2	Kepentingan Kajian	3
1.3	Tujuan Kajian	5
1.4	Rangka Kajian	5
1.5	Tumpuan Kajian	6

### 2. TANGGAPAN PIHAK SEKOLAH TERHADAP TANGGUNGJAWAB MEREKA BERHUBUNG DENGAN PENYELIAAN GURU PELATIH

2.1	Pengenalan	9
2.2	Tujuan Kajian	12
2.3	Persampelan dan Kaedah kajian	13
2.4	Analisis Kajian	13
2.5	Rumusan	35
2.6	Cadangan dan Kesimpulan	38
2.7	Bibliografi	40
2.8	Lampiran	41

### 3. TANGGAPAN GURU-GURU PELATIH UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM) TERHADAP PENYELIAAN DARI PIHAK SEKOLAH

3.1	Pengenalan	50
3.2	Tujuan Kajian	52
3.3	Persampelan dan Kaedah kajian	52
3.4	Hasil Kajian dan Perbincangan	54
3.5	Rumusan dan Cadangan	68
3.6	Bibliografi	70
3.7	Lampiran	71

### 4. PERSEPSI PIHAK KAKITANGAN AKADEMIK PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN (PPIP) TERHADAP PENGLIBATAN PIHAK SEKOLAH DALAM RANCANGAN LATIHAN MENGAJAR

4.1	Pengenalan	80
4.2	Tujuan	80
4.3	Kaedah kajian	81
4.4	Persampelan Kajian	81
4.5	Latarbelakang Responden	81
4.6	Analisis Kajian	82
4.7	Dapatan	91
4.8	Cadangan	94
4.9	Bibliografi	95
4.10	Lampiran	97

5. PERSEPSI PIHAK PENTADBIR PENDIDIKAN TERHADAP PENYELIAAN GURU PELATIH

5.1	Pengenalan	103
5.2	Tujuan	103
5.3	Kaedah kajian	104
5.4	Analisis Kajian	104
5.5	Hubungan Sekolah Pentadbir-PPIP	107
5.6	Konsep Penyeliaan Pengajaran	110
5.7	Peranan Penyelia	110
5.8	Dasar Pemilihan Penyelia/Kakitangan Sekolah	112
5.9	Konsep kecemerlangan	113
5.10	Peningkatan Kepakaran	113
5.11	Pernyataan Penyeliaan	115
5.12	Dapatan	116
5.13	Cadangan	117
5.14	Bibliografi	120
5.15	Lampiran	122

6. RUMUSAN

6.1	Pengenalan	130
6.2	Tujuan Kajian	131
6.3	Dapatan Kajian	132
6.4	Cadangan dan Saranan	136

## **PENGHARGAAN**

Kami ingin merakamkan penghargaan kami terutama sekali kepada pihak Universiti Sains Malaysia yang telah meluluskan geran jangka pendek (No: 131-0340-0070) untuk menjalankan kajian ini. Penghargaan dan ucapan berbanyak-banyak terima kasih juga kami tujuhan kepada semua pihak yang telah memberi kerjasama, bantuan dan seterusnya menjawab soalselidik untuk kajian ini. Mereka termasuklah semua Pengetua, Penolong Kanan, Penyelia Petang, Guru Kanan Matapelajaran dan Guru-guru dari 65 buah sekolah di Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak Utara; semua pensyarah di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia yang telah juga memberi komen dan cadangan terhadap soalan-soalan dalam soalselidik; semua guru pelatih dan pihak pentadbir pendidikan iaitu Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Bahagian Pendidikan guru, Kementerian Pendidikan dan pegawai-pegawai Pendidikan; kakitangan am PPIP dan seterusnya kakitangan UPPA yang turut membantu menaip dan PPLK yang mencetak kajian ini.

## A B S T R A C T

The Teacher Education programme consists of two essential components: the theoretical and practical component. The practical component or "teaching practice" is school-based practical experience and is meant to provide trainee teachers with knowledge and understanding of authentic classroom situations as well as being able to acquire the characteristics of a professional teacher. Since "teaching practice" is carried out in schools, the school authorities need to play a major role in this trainee-teacher supervision. In most universities until now, the involvement of the school authorities is not part of the trainee-teacher supervision.

Using the questionnaire and interview methods, this research surveyed the assumptions of four groups involved in the teacher training programme i.e. the school teachers, trainee teachers, lecturers, and education administrators, pertaining to supervision of teaching practice. This research focuses on the perceptions of these four groups towards the question of who or which authority should bear the most significant role in supervising the trainees, the method of supervision, type of guidance to be contributed by the school authorities, and the characteristics of a good supervisor.

The following are the findings of this research: (a) the majority of informants in the target four groups perceived that lecturers should be the main supervisor to the trainee teacher; (b) the senior subject teacher is the most important advisor and supervisor on behalf of the school authorities; (c) the informants also concurred that professional guidance should be given by the school authorities; and (d) that the outstanding qualities of a good supervisor include, teaching experience, strong knowledge base, a deep sense of commitment, and a pleasant personality.

## A B S T R A K

Rancangan Pendidikan Guru mempunyai dua komponen penting iaitu Komponen teori dan Komponen praktikal. Komponen praktikal atau Latihan mengajar adalah pengalaman praktik yang berasaskan sekolah dan bertujuan memberi peluang kepada guru pelatih mengetahui dan memahami situasi bilik darjah serta mempelajari ciri-ciri untuk menjadi guru yang profesional. Oleh kerana Latihan Mengajar dilaksanakan di sekolah, pihak sekolah sepatutnya dilibatkan bersama di dalam penyeliaan guru pelatih. Sehingga kini, di kebanyakan universiti, penglibatan pihak sekolah tidak meliputi penyeliaan.

Dengan menggunakan kaedah soalselidik dan temubual, kajian ini meninjau tanggapan empat pihak yang terlibat dalam program pendidikan guru iaitu guru sekolah, guru pelatih, pensyarah dan pentadbir pendidikan mengenai tanggungjawab penyeliaan guru pelatih. Fokus kajian ialah tanggapan pihak terlibat terhadap persoalan siapakah yang paling bertanggungjawab menyelia guru pelatih, corak bimbingan dan penyeliaan yang boleh disumbang oleh pihak sekolah dan ciri-ciri penyelia atau pembimbing yang baik.

Kajian ini telah menemui dapatan-dapatan berikut: a) bilangan terbesar daripada keempat-empat kumpulan kajian menganggap pensyarah patut menjadi penyelia utama kepada guru pelatih; b) bilangan majoriti menganggap guru kanan matapelajaran menjadi pembimbing dan penyelia yang terpenting dari pihak sekolah; c) mereka juga beranggapan bimbingan profesional harus diberi oleh pihak sekolah; dan d) ciri-ciri penyelia atau pembimbing yang dianggap utama ialah mempunyai pengalaman mengajar, pengetahuan asas yang kukuh, komitmen yang bersungguh dan personaliti yang baik.

# P E N G E N A L A N

## 1.1 LATARBELAKANG

Rancangan Pendidikan Guru Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, bermatlamat untuk melahirkan guru siswazah yang:

1. bermotivasi dan cekap mengajar satu/dua matapelajaran sains atau/dan ilmu kemanusiaan di sekolah menengah;
2. mempunyai sikap positif terhadap profesion perguruan dan mengambil berat terhadap pelajar-pelajar dan masyarakat Malaysia amnya;
3. sedia menyesuaikan diri dengan keadaan semasa di sekolah melalui pengubahsuaian dan percubaan;
4. sedia mengambil bahagian dan memberi pimpinan di dalam aktiviti-aktiviti ko-kurikulum; dan
5. sedia menghadapi perubahan, cabaran, mengambil bahagian dengan aktif dan memberi sumbangan kepada perkembangan dan inovasi pendidikan.

Rancangan Latihan Mengajar adalah komponen yang sama penting dengan komponen teori untuk mencapai matlamat pendidikan guru yang disenaraikan di atas. Mengikut Buku Panduan Rancangan Latihan Mengajar, Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan Universiti Sains Malaysia, 1991 komponen Latihan Mengajar dibentuk supaya dapat berperanan untuk:

1. memberi orientasi dan praktik tentang perguruan;
2. pembentukan kesediaan mental, semangat dan pengukuhan terhadap perguruan;
3. kesepaduan teori dengan amalan; serta
4. kesempatan membimbing perkembangan dan menilai kemahiran dan kecekapan murid-murid.

Dalam Rancangan Latihan Mengajar, guru pelatih ditempatkan di sekolah dengan matlamat memberi peluang kepada mereka untuk mengetahui dan memahami situasi sebenar bilik darjah dan sekolah. Rancangan ini juga bertujuan memberi peluang kepada guru pelatih mencuba dan menguabsuai pendekatan-pendekatan yang dipelajari di dalam amalan pengajaran-pembelajaran.

Secara lebih khusus, dan berdasarkan kepada Buku Panduan (PPIP, USM), Rancangan Latihan Mengajar mempunyai objektif-objektif seperti berikut:

Memberi peluang kepada guru pelatih:

- i) Mengenal secara lebih dekat peranan guru, pengelolaan dan pengurusan sebenar bilik darjah,
- ii) Mempelajari tentang tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab asas guru,
- iii) Mengenalpasti dan memahami murid-murid yang mempunyai perbezaan-perbezaan individu dan merancangkan persediaan mengajar yang memenuhi keperluan individu tersebut,
- iv) Mengamal dan mencuba kaedah pengajaran matapelajaran serta menilai kerja murid,
- v) Menilai kelebihan dan kelemahan kesan-kesan pengajaran dan pembelajaran,
- vi) Mempelajari prosedur-prosedur dan teknik-teknik pengelolaan kurikulum dan ko-kurikulum,

- vi) Mempraktikkan etika perguruan dan
- vii) Mengetahui sistem pentadbiran sekolah

## 1.2 KEPENTINGAN KAJIAN

Setelah meninjau matlamat dan peranan yang diharapkan daripada komponen Rancangan Latihan Mengajar dalam program pendidikan guru, didapati Jelas bahawa matlamat-matlamat itu tidak akan dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan bersepadu sekiranya tiada penglibatan yang berkesan dan kerjasama yang erat di antara pihak-pihak yang terlibat. Ini bermakna institusi pendidikan guru perlu berusaha bersama-sama dengan pihak sekolah untuk mencapai matlamat bahagian latihan praktikal (latihan mengajar) dalam program pendidikan guru.

Beberapa buah universiti telah cuba mengambil kira penilaian pihak sekolah bagi Latihan Mengajar, tetapi mendapat pelaksanaan penilaian tersebut kurang memuaskan. Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, turut meminta pihak sekolah secara sukarela, mengisi borang pencerapan pengajaran guru pelatih. Tujuan asalnya ialah untuk memberi sokongan kepada penilaian yang dibuat oleh pensyarah, terutama bagi kes-kes yang ekstrim. Tetapi usaha ini kurang berjaya kerana tidak semua pihak memberi respon yang memuaskan. Ini mungkin kerana pihak sekolah masih kabur tentang peranan mereka terhadap penyeliaan guru pelatih. Selain daripada itu tidak ada apa-apa persetujuan atau rancangan resmi di antara pihak PPIP, USM dan pihak sekolah yang memerlukan komitmen daripada pihak sekolah terhadap penyeliaan guru pelatih dari USM.

Satu cadangan untuk mewujudkan Guru Pembimbing di sekolah telah dikemukakan oleh Jawatankuasa Latihan Mengajar Antara Universiti kepada Badan Penasihat Pendidikan Guru pada tahun 1989, bertujuan untuk mendapatkan satu komitmen yang lebih kukuh dan terancang daripada pihak sekolah, tetapi sehingga kini belum ada

usaha melaksanakan penyeliaan bersama sekolah ini secara menyeluruh di semua universiti. Usaha ini cuma dilaksanakan oleh Universiti Pertanian Malaysia semenjak dua tahun yang lalu.

Bahagian Pendidikan Guru (BPG), Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengkaji dan mengemaskini Program Praktikum (Latihan Mengajar) bagi Kursus Perguruan Asas Institut/Maktab Perguruan Malaysia. BPG telah melaksanakan Penyeliaan Bersama Pihak Sekolah dan Maktab mulai 1989 (lihat Panduan Praktikum dan Rancangan Orientasi Sekolah : Kursus Perguruan Asas : Lima semester dan KPLI, Institut/Maktab Perguruan Malaysia, Unit Kurikulum, Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia, Mac 1992. Edisi Ketiga). Mengikut buku panduan ini "praktikum adalah satu siri pengalaman praktik dan sistematis yang berasaskan sekolah bertujuan membantu guru pelatih menjadi guru yang profesional dan bersepadu". Selain daripada itu tujuan praktikum ialah untuk melahirkan "guru sekolah" dan bukan semata-mata "guru kelas". Oleh kerana itu mengikut BPG praktikum haruslah dilihat dan dilaksanakan secara menyeluruh dan bersepadu yang melibatkan usahaama antara maktab dan sekolah. Di samping itu perlu ditegaskan bahawa yang diutamakan dalam sesi praktikum ialah **bimbingan dan latihan** bukannya semata-mata penilaian.

**Penyeliaan Bersama Pihak Sekolah** yang dilaksanakan oleh BPG ini dapat dijadikan contoh untuk menjayakan rancangan Latihan Mengajar yang dikendalikan oleh pihak universiti. Tetapi, sebelum rancangan "Penyeliaan Bersama Pihak Sekolah", yang bukan secara langsung di bawah naungan Kementerian dapat dilaksanakan oleh pihak universiti, pandangan pihak sekolah dan pihak-pihak yang lain yang turut terlibat seperti kakitangan akademik dan pentadbir pendidikan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, perlu dikaji dahulu untuk mendapat satu gambaran yang konkrit dan menyeluruh terhadap tanggungjawab penyeliaan guru pelatih terutamanya peranan pihak sekolah. Dapatkan maklumat secara kerelaan ini akan dapat dijadikan asas perancangan dan penglibatan yang lebih bermakna dalam Rancangan Latihan Mengajar.

### **1.3 TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk meninjau tanggapan empat pihak yang terlibat dalam program pendidikan guru terhadap tanggungjawab penyeliaan guru pelatih, khususnya tanggapan mereka terhadap peranan yang boleh diberi oleh pihak sekolah.

Tanggapan yang ditinjau termasuklah perkara-perkara seperti berikut:

- a) Siapakah yang paling layak menyelia guru pelatih?
- b) Apakah corak bimbingan yang boleh diberi oleh pihak sekolah?
- c) Apakah ciri-ciri penyelia yang baik?

Gabungan tanggapan keempat-empat pihak ini boleh dijadikan satu garispanduan untuk menentukan peranan dalam penyeliaan guru pelatih.

### **1.4 RANGKA KAJIAN**

Kajian ini dibahagikan kepada empat bahagian iaitu tiga bahagian yang berhubung dengan pihak-pihak yang terlibat secara langsung dalam Rancangan Latihan Mengajar, dan satu pihak yang terlibat secara tidak langsung.

Pihak yang terlibat secara langsung ialah:

- i) pihak sekolah,
- ii) guru pelatih,
- iii) pensyarah universiti;

Pihak yang terlibat secara tidak langsung ialah:

- i) pentadbir pendidikan.

## **1.5 TUMPUAN KAJIAN**

Ahli-ahli dalam kumpulan kajian ini yang berjumlah lima orang dibahagikan kepada tiga kumpulan kecil untuk menjalankan empat bahagian kajian yang tersebut di atas iaitu:

1. Bahagian I : Khadijah Zon, Zurida Ismail dan Ismail Jusoh menjalankan kajian bertajuk: "Tanggapan Pihak Sekolah Terhadap Tanggungjawab Mereka Berhubung dengan Penyeliaan Guru Pelatih", yang merupakan satu kajian untuk meninjau tanggapan pihak sekolah sendiri terhadap usaha penyeliaan guru pelatih. Kajian ini melibatkan 382 orang responden dari pihak sekolah. Di antara perkara penting yang dikaji ialah meninjau tanggapan pihak sekolah mengenai:
  - a) Siapakah yang paling bertanggungjawab menyelia guru pelatih dan apakah tanggungjawab mereka,
  - b) kesediaan dan bentuk bimbingan dan penyeliaan yang sanggup mereka beri kepada guru pelatih, dan
  - c) kemahiran bimbingan dan penyeliaan yang perlu ada sekiranya pihak sekolah terlibat dalam bimbingan dan penyeliaan guru pelatih.
2. Bahagian II : Zurida Ismail, Khadijah Zon dan Ismail Jusoh menjalankan kajian bertajuk : "Tanggapan guru-guru pelatih USM terhadap penyeliaan dari pihak sekolah". Kajian ini bertujuan untuk melihat dari perspektif guru pelatih pula apakah tanggapan mereka terhadap penyeliaan dari pihak sekolah. Kajian ini melibatkan 205 orang responden. Di antara perkara penting yang dikaji ialah meninjau tanggapan guru pelatih tentang :
  - a) siapakah yang bertanggungjawab memblimbing dan menyelia mereka,
  - b) corak bimbingan dan bantuan yang mereka harapkan dari pihak sekolah, dan
  - c) ciri-ciri dan kemahiran-kemahiran yang perlu ada pada seorang penyelia.

3. Bahagian III : Mustapa Kassim menjalankan kajian yang bertajuk : "Persepsi pihak kakitangan akademik PPIP terhadap penglibatan pihak sekolah dalam rancangan latihan mengajar." Kajian ini bertujuan untuk melihat satu lagi perspektif iaitu dari pihak pensyarah pula akan tanggapan mereka terhadap penglibatan pihak sekolah dalam penyeliaan guru pelatih. Kajian ini melibatkan 25 orang responden. Di antara perkara-perkara yang menjadi tumpuan kajian ini ialah tanggapan pihak pensyarah:

- a) siapakah yang patut berperanan dalam penyeliaan guru pelatih,
- b) tentang bidang-bidang penglibatan pihak sekolah dan apakah kemahiran-kemahiran khusus yang diperlukan, dan
- c) apakah usaha-usaha peningkatan kepakaran dan kerjasama timbalbalik antara pihak sekolah dengan PPIP.

4. Bahagian IV : Khatijah Khalid menjalankan kajian yang bertajuk : "Persepsi pihak pentadbir pendidikan terhadap penyeliaan guru pelatih." Kajian ini meninjau tanggapan pihak pentadbir pendidikan mengenai aspek-aspek penyeliaan guru-guru pelatih dalam Rancangan Latihan Mengajar. Kajian ini melibatkan 18 orang pegawai pentadbir pendidikan. Di antara perkara-perkara yang menjadi tumpuan kajian ini ialah meninjau tanggapan pihak pentadbir terhadap:

- a) peranan penyelia,
- b) kemahiran-kemahiran penyeliaan, dasar pemilihan penyelia dan
- c) penyediaan penyelia dan peningkatan kepakaran.

## **METODOLOGI KAJIAN : Soalselidik dan temubual**

### **RUMUSAN**

Dapatan-dapatan dari tiap-tiap kajian kecil dibentang di akhir laporan masing-masing. Satu rumusan dapatan daripada keempat-empat bahagian kajian dibuat di akhir laporan ini. Bahagian rumusan ini menyenaraikan semua dapatan dan membuat satu rumusan terhadap tanggapan keempat-empat pihak yang terlibat dalam kajian ini.

Dari dapatan-dapatan ini satu cadangan akan dapat dikemukakan untuk membantu pihak Jawatankuasa Latihan Mengajar PPIP, USM khasnya, dan universiti-universiti lain amnya, merangka struktur penglibatan dan kerjasama yang boleh diharapkan daripada pihak sekolah.

**TANGGAPAN PIHAK SEKOLAH TERHADAP TANGGUNGJAWAB MEREKA BERHUBUNG  
DENGAN PENYELIAAN GURU PELATIH**

Khadijah bt. Zon  
Zurida bt. Ismail  
Ismail bin Jusoh

**2.1 PENGENALAN**

Program pendidikan guru tidak akan lengkap tanpa komponen praktikal atau lebih dikenali sebagai komponen Latihan Mengajar. Semasa latihan mengajar, usaha penyeliaan perlu dilakukan terhadap guru pelatih. Penyeliaan bermaksud bimbingan, pemerhatian dan penilaian oleh penyelia. Matlamat utama penyeliaan ialah untuk meningkatkan mutu pengajaran guru pelatih. Guru pelatih perlukan bantuan dan bimbingan dalam hal-hal seperti tingkahlaku pengajaran, mengenali persekitaran pembelajaran, kurikulum dan perkembangan profesional.

Penyelia dari universiti, Universiti Sains Malaysia (USM) khususnya, seringkali mempunyai bilangan pelatih yang terlalu ramai untuk dibimbing dan diselia. Mereka mungkin berpeluang memerhatikan prestasi guru pelatih di dalam bilik darjah pada masa-masa tertentu sahaja. Adalah sukar bagi penyelia dari universiti untuk menilai dayasuai dan kepekaan guru pelatih terhadap suasana sekolah. Adakah perkara-perkara yang tidak dapat diperhatikan oleh penyelia universiti dapat diperhatikan oleh pihak guru di sekolah? Emans (1983), seperti yang dipetik oleh Zurida Ismail (1989), mencadangkan supaya penyelia-penyelia dari universiti menukar peranan tradisi mereka sebagai

penyelia tunggal guru pelatih dan mengalih perhatian mereka kepada **guru-guru sekolah** sebagai guru yang bekerjasama menjadi "pendamping/pembimbing" guru pelatih. Mengikutnya apabila penyelia memberi juga tumpuan kepada guru pembimbing dan sentiasa berhubung dalam perkara-perkara seperti menyediakan garis panduan, menganjur perjumpaan orientasi, atau bengkel dalam-perkhidmatan khas untuk guru pendamping, ini semua akan mewujudkan suasana yang lebih menggalakkan bagi pertumbuhan yang sihat di kalangan guru pelatih. Mengikut Emans juga sekolah-sekolah yang bekerjasama ini juga akan lebih bersedia untuk melaksanakan segala permintaan pihak universiti sekiranya wujud perhubungan dan tahap komunikasi yang rapat di antara pihak universiti dan pihak sekolah.

Yee (1969) berpendapat guru di sekolah boleh mempengaruhi guru pelatih dalam banyak perkara. MacIntyre (1983) juga berpendapat demikian. Di antara pengaruh-pengaruh itu ialah:

- a) membentuk sikap dan tingkah laku guru pelatih
- b) membentuk nilai guru pelatih
- c) memberi kesan akan sikap guru pelatih terhadap persekolahan

Kesan yang akan disampaikan oleh guru di sekolah terhadap guru pelatih, sama ada positif atau negatif, akan dengan tidak secara langsung menentukan kepuasan pengalaman mengajar guru-guru pelatih. Kajian-kajian oleh Copeland (1978), Price (1961) dan Saperson & Joyce (1973), menunjukkan pengaruh-pengaruh penting guru pendamping/pembimbing terhadap kejayaan pengalaman latihan mengajar guru-guru pelatih.

Kajian-kajian tempatan pula -- seperti Kim Phaik Lah (1984) dalam kajiannya bertajuk "Penyertaan Pihak Sekolah dalam penilaian guru-guru pelatih" -- berpendapat bahawa penyertaan pihak sekolah dalam rancangan Latihan Mengajar terutamanya dalam

memberi bimbingan dan membantu penilaian guru pelatih perlulah dikaji kerana usaha ini penting. Tetapi setakat ini tidak banyak diperkatakan atau dijalankan kajian mengenainya.

Lourdusamy (1989) dalam kajiannya "Masalah-masalah yang dihadapi oleh Guru Pelatih semasa Latihan Mengajar" menyatakan beberapa masalah yang dihadapi oleh guru-guru pelatih seperti gangguan semasa mengajar, kelas-kelas gantian, sikap dan pandangan buruk guru dan murid sekolah terhadap guru pelatih. Kesemua ini merupakan masalah dalaman yang tidak dapat diketahui atau dilihat oleh penyelia dari universiti kerana mereka tidak berada di sekolah sepanjang masa. Masalah seperti ini boleh diselesaikan dengan bantuan pihak sekolah sekiranya mereka terlibat sama dalam penyeliaan guru pelatih.

Abdul Karim Abdullah (1989) di dalam kertaskerja bertajuk "Pandangan pengetua-pengetua terhadap guru-guru pelatih Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, USM di sekolah-sekolah menengah dan saranan-saranan untuk memperbaiki program Latihan Mengajar", telah mengesahkan wujudnya masalah yang berkaitan dengan hubungan guru pelatih dengan guru-guru sekolah dan murid-murid. Beliau berpendapat guru-guru pelatih kurang menggunakan kesempatan menambahkan pengetahuan melalui pembelajaran berdasarkan pengalaman (experiential learning). Pengetahuan yang diperolehi secara terus dari guru-guru yang berpengalaman akan memudahkan guru-guru pelatih memahami tugas pengurusan pengajaran-pembelajaran di dalam bilik darjah.

Fatimah Salleh dan rakan-rakan (1989) dalam kajian yang bertajuk "Persepsi pihak sekolah terhadap keberkesan Latihan Mengajar I" mendapati pihak sekolah kurang senang dengan pergaulan guru-guru pelatih yang terbatas di kalangan mereka sahaja.

Pihak sekolah juga menyatakan kesediaan mereka untuk memberi bimbingan kepada guru pelatih tetapi mereka kurang jelas sejauh manakah peranan yang dipertanggungjawabkan kepada mereka oleh pihak Universiti.

Dapatan kajian-kajian di atas memaparkan kepentingan peranan yang boleh dimainkan oleh pihak sekolah terutamanya pihak guru. Badan Penasihat Guru Malaysia pada tahun 1990 telah bersetuju untuk mewujudkan Guru Pembimbing di sekolah-sekolah. Dengan adanya persetujuan ini beberapa Program Latihan Guru di peringkat universiti telah melaksanakan penyeliaan bersama guru pembimbing di sekolah. Di antara Universiti yang telah memulakannya ialah Universiti Pertanian. Tetapi sehingga tahun ini Universiti Sains Malaysia belum melaksanakan penyeliaan bersama guru pembimbing yang melibatkan guru di sekolah bekerjasama menyelia dan membimbing guru pelatih.

## 2.2 TUJUAN KAJIAN

Pandangan-pandangan yang dinukil di atas jelas menggambarkan adanya keperluan untuk mengkaji semula Program Rancangan Latihan Mengajar terutama sekali yang berkaitan dengan peranan pihak sekolah. Ada pihak yang merasakan bahawa untuk menjayakan program pendidikan perguruan, kerjasama di antara institusi pendidikan perguruan dengan pihak sekolah yang menerima pelatih perlu diwujudkan secara lebih rapat dan lebih kukuh.

Kajian ini bertujuan untuk meninjau tanggapan pihak sekolah, terutamanya guru, terhadap perkara-perkara seperti berikut:-

- i) siapakah yang bertanggungjawab menyelia guru pelatih
- ii) bentuk bimbingan dan penyeliaan yang boleh diberi oleh pihak sekolah dan
- iii) kemahiran penyeliaan yang difikirkan perlu oleh pihak sekolah

## **2.3 PERSAMPELAN DAN KAEADAH KAJIAN**

Sampel adalah dipilih berdasarkan sekolah-sekolah yang terlibat dengan Rancangan Latihan Mengajar USM. Di antara sekolah-sekolah itu enam puluh-lima (65) buah sekolah telah dipilih meliputi Negeri-Negeri Pulau Pinang, Perlis, Kedah dan Perak.

Kaedah tinjauan telah digunakan untuk kajian ini. Satu set soalselidik telah diedarkan di mana tiap-tiap sekolah diberi di antara 6 hingga 10 borang soalselidik untuk diedarkan kepada pengetua, penolong kanan, penyelia petang, guru yang kelasnya diambilalih oleh guru pelatih dan guru-guru lain yang berminat. Sebilangan daripada mereka telah ditemubual untuk mendapatkan maklumbalas yang lebih komprehensif dan kukuh.

Borang soalselidik terbahagi kepada tiga bahagian iaitu:

Bahagian I : Maklumat Latarbelakang

Bahagian II : Persepsi Pihak Sekolah (Kakitangan Akademik)

Terhadap Peranan dan Tanggungjawab Mereka

Terhadap Guru Pelatih

Bahagian III : Pengalaman Semasa Latihan Mengajar

Satu kajian rintis yang melibatkan 182 orang guru telah dijalankan untuk menentukan kesesuaian soalan. Beberapa item telah dipinda dan format soalan diubahsuai setelah mendapat maklumbalas.

## **2.4 ANALISIS KAJIAN**

Analisis keseluruhan adalah dibuat dengan mengira kekerapan dan peratusan. Dapatan dibentangkan menurut kategori dan susunan soalan yang telah dimuatkan dalam borang soalselidik. Di mana sesuai maklumat dari temubual dibentangkan untuk memperkuuh dapatan soalselidik.

## **2.4.1 BAHAGIAN I : MAKLUMAT LATARBELAKANG**

Seramai 382 responden dari 65 buah sekolah-sekolah di Pulau Pinang, Perlis, Kedah dan Perak telah memberi kerjasama dan mereka terbahagi kepada:

Pengetua	=	24 orang
Penolong Kanan	=	49 orang
Penyelia Petang	=	12 orang
Guru Kanan Mata-pelajaran	=	109 orang
Guru Matapelajaran	=	188 orang
 Jumlah	=	 382 orang

Tempat mengajar responden pula terbahagi kepada:

Perlis	=	49 orang
Kedah	=	108 orang
Pulau Pinang	=	143 orang
Perak	=	82 orang
 Jumlah	=	 382 orang

## **2.4.2 BAHAGIAN II**

- PERSEPSI PIHAK SEKOLAH TERHADAP PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB MEREKA TERHADAP GURU PELATIH

### **2.4.2.1 Kesediaan membimbing dan menyelia guru pelatih**

Soalan pertama bahagian ini memerlukan responden menjawab sama ada mereka bersedia atau tidak membimbing dan menyelia guru pelatih dalam situasi-situasi yang diberi iaitu mengikut keperluan-keperluan yang mungkin akan timbul untuk membimbing dan menyelia guru pelatih. Respon yang diterima adalah seperti yang dirakamkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 : Kesediaan membimbing dan menyelia guru pelatih

Bl. : 382

	Ya	Tidak	Berkecuali
1.1 Sekiranya diarah	351 (91.8%)	6 (1.6%)	25 ( 6.5%)
1.2 Sekiranya diperlukan	339 (88.7%)	1 (0.2%)	43 (10.9%)
1.3 Sekiranya diberi peluang	345 (90.3%)	4 (1.0%)	33 ( 8.6%)

Dari Jadual 1, jelas dilihat bahawa pihak sekolah bersedia membimbing dan menyelia guru pelatih sekiranya diarah ataupun diberi peluang. Ini adalah sesuatu yang amat menggalakkan memandangkan respon yang hampir sama tinggi didapati untuk situasi 'diarah' atau 'diberi peluang'. Pada kebiasaan kita dapat semuanya akan menurut perintah (arahan), tetapi di dalam situasi di mana peluang diberi iaitu ada pilihan untuk menerima atau menolak respon yang tinggi menunjukkan sikap yang positif.

2.4.2.2 Siapa yang paling bertanggungjawab membimbing dan menyelia guru pelatih

Soalan kedua meminta responden memberi pandangan siapakah yang patut dipertanggungjawabkan membimbing dan menyelia guru pelatih. Responden diminta memilih dan menyusun pilihan mengikut keutamaan. Jadual 2 menjelaskan susunan pilihan.

Jadual 2 : Kedudukan sebagai Pembimbing dan Penyelia Mengikut Berat

Pertimbangan Pemilihan . Bil. = 382

Pilihan / Taburan yang diubahsuai mengikut berat keutamaan/								Skor	Rank No.
	1(x7)	2(x6)	3(x5)	4(x4)	5(x3)	6(x2)	7(x1)		
Pensy.	275	24	-	2	20	41	-	2219	1
Peng.	10	140	14	37	66	73	35	1507	3
Penolong Kanon	11	12	122	27	87	67	42	1304	5
Penyelia Petang	11	32	65	81	47	16	70	1161	6
Guru Kanan Mata P.	20	107	97	21	68	11	54	1628	2
Guru Kelas	14	38	64	86	16	110	47	1305	4
Guru Pelatih	-	5	1	109	19	16	187	747	7

Pensy. = Pensyarah, Peng. = Pengetua

Dari pemilihan yang dibuat oleh responden jelaslah bahawa pihak sekolah menganggap pensyarah sebagai pembimbing dan penyelia yang paling utama bertanggungjawab terhadap guru pelatih. Tanggungjawab dari pihak sekolah pula diberi kepada guru kanan mata pelajaran sebagai pilihan utama diikuti oleh pengetua. Guru yang kelasnya diambil alih oleh guru pelatih diberi tempat yang sama penting dengan penolong kanan. Pihak sekolah memilih guru pelatih sebagai orang yang paling kurang penting bertanggungjawab membimbing dan menyelia rakan guru pelatih.

**2.4.2.3 Pilihan mengikut kesesuaian keperluan membimbing dan menyelia**

Beberapa contoh usaha bimbingan dan penyeliaan diberi dan responden diminta untuk memilih corak kesesuaian usaha-usaha itu dalam tiga skala : sangat perlu, perlu atau tidak perlu.

Jadual 3 : Pandangan terhadap usaha bimbingan dan penyeliaan

Bil = 382	Sangat Perlu	Perlu	Tidak Perlu
1. Pihak sekolah menjalankan tugas-tugas penyelarasan antara sekolah dengan institusi pendidikan guru	92 (24%)	219 (57%)	71 (19%)
2. Pihak sekolah membantu guru pelatih menyesuaikan diri di sekolah	142 (37.3%)	180 (47%)	60 (15.7%)
3. Pihak sekolah menasihat dan membimbing guru pelatih secara berterusan	109 (29%)	238 (62%)	35 (9.9%)
4. Pihak sekolah membantu penyeliaan guru pelatih secara berterusan dalam kurikulum dan ko-kurikulum	75 (19.6%)	252 (65.9%)	55 (14.5%)
5. Guru yang kelasnya diambil alih oleh guru pelatih mesti menyelia guru pelatih	69 (18%)	213 (55.6%)	105 (27.4%)
6. Guru terlatih menjemput guru pelatih memerhati pengajarannya	40 (10.4%)	63 (16.4%)	279 (73.2%)

Perkara-perkara 1 hingga 5 dipilih sebagai perkara-perkara yang perlu dilaksanakan oleh pihak sekolah. 'Membantu guru pelatih menyesuaikan diri di sekolah' dan 'pihak sekolah menasihat dan membimbing guru pelatih secara berterusan dalam kurikulum dan ko-kurikulum' dianggap 'sangat perlu' oleh peratusan yang agak tinggi juga di antara enam perkara yang disenaraikan. Perkara yang paling jelas dirasakan tidak perlu oleh pihak

sekolah ialah perkara 6 la itu 'guru terlatih menjemput guru pelatih memerhati pengajarannya.' Ini merupakan sesuatu yang sangat sensitif di kalangan guru terlatih kerana mengikut dapatan dari temubual, guru-guru sekolah merasakan kehadiran guru pelatih dalam bilik darjah yang mereka sedang mengajar menyebabkan guru sekolah merasakan seperti mereka dinilai oleh seseorang yang tidak bertaullah dan hanya akan mengganggu pengajaran dan mengancam kewibawaan mereka.

#### 2.4.2.4 Kekerapan bimbingan yang sanggup dilakukan terhadap guru pelatih

Respon yang diberi menunjukkan bahawa 'sekali seminggu' mendapat pilihan tertinggi dengan 129 orang (33.8%) memilihnya. 'Sekali dalam dua minggu' mendapat tempat kedua dengan 114 orang (29.8%) memilihnya, 'dua kali seminggu' dipilih oleh 60 orang (15.8%) responden, sementara 'sekali sebulan' dicadangkan oleh 14 (3.6%) responden dan 'bila perlu' merupakan cadangan 52 orang (13.6%) responden dan berkecuali 13 orang (3.4%).

Sekali seminggu atau sekali dalam dua minggu menunjukkan kekerapan bimbingan yang sanggup dilakukan oleh pihak sekolah terhadap guru pelatih.

#### 2.4.2.5 Bentuk bimbingan yang sanggup diberi

Satu senarai disediakan tentang perkara-perkara yang dianggap pihak sekolah boleh membantu dalam membimbing guru pelatih di dalam pengajaran di bilik darjah. Responden dikehendaki memilih perkara-perkara yang dirasa sanggup membimbing dan menyusunnya mengikut keutamaan kesanggupan. Jadual 4 menjelaskan susunan pilihan.

Jadual 4 : Bentuk Bimbingan Mengikut Berat Pertimbangan Pemilihan

Bil. = 382

Pilihan	/	Taburan yang diubahsuai mengikut berat keutamaan						Skor	Rank No.
		1(x6)	2(x5)	3(x4)	4(x3)	5(x2)	6(x1)		
Persediaan Mengajar		140	109	66	68	1	1	1853	2
Isi Kandungan Pengajaran		178	112	68	2	1	21	1929	1
Kaedah atau Teknik Mengajar		84	120	117	18	43	0	1714	3
Penyediaan ABM		13	56	55	188	43	15	1243	4
Penggunaan ABM		2	44	122	50	124	35	1153	5
Pengurusan Kelas/Makmal		46	43	24	13	59	186	926	6

ABM = Alat bantu mengajar

Dari pilihan yang dibuat oleh responden, bentuk bimbingan yang paling sanggup diberi oleh pihak sekolah ialah dari segi 'isi kandungan pengajaran'. Pilihan ini dianggap paling sesuai oleh pihak sekolah kerana memang secara langsung mereka terlibat dengan 'kurikulum' di sekolah dan pihak sekolahlah yang paling layak membimbing guru pelatih. Pilihan kedua dan ketiga la itu 'persediaan mengajar' dan 'kaedah atau teknik mengajar' juga merupakan perkara-perkara yang dianggapkan oleh pihak sekolah mereka mempunyai kesanggupan yang tinggi untuk membimbing kerana pandangan yang diberi semasa temubual menyatakan pihak sekolah beranggapan perkara-perkara ini adalah kebiasaan yang mereka lakukan dan mudah untuk diberi bimbingan. Ramai di antara mereka kurang puashati dengan cara guru pelatih mengungkapkan objektif pengajaran di buku rekod persediaan mengajar mereka. Tetapi dari temubual juga ada anggapan yang

bertentangan iaitu mereka menganggap persediaan buku rekod guru pelatih adalah begitu terperinci dan berlainan dari cara yang mereka biasa buat dan bimbingan untuk perkara ini mestilah datang dari penyelia. Begitu juga dengan teknik mengajar. Ada yang menganggap perkara ini bukanlah tanggungjawab mereka dan mereka bimbang akan kekurangan pengetahuan mereka tentang teknik-teknik baru.

Jatuhnya perkara-perkara 'penyediaan alat bantu' dan 'penggunaan alat bantu' ke tempat yang ke 4 dan ke 5 adalah kerana anggapan pihak sekolah guru-guru pelatih biasanya dibekalkan dengan pengetahuan dan ketrampilan untuk menyediakan dan mengguna alat bantu yang terkini dan canggih. Malangnya anggapan ini kadang kala tidak tepat untuk semua pelatih.

Beradanya 'pengurusan kelas atau makmal' di tempat yang ke 6 atau terakhir adalah menghairankan. Pihak sekolah sepatutnya paling bersedia untuk membantu dalam aspek pengurusan kelas. Mereka lebih peka dengan suasana bilik darjah. Mereka juga lebih tahu akan tingkahlaku murid-murid di sekolah mereka. Tetapi jelas dari temubual dengan beberapa orang guru, didapati pihak sekolah lebih berani membimbing guru pelatih di dalam hal 'pengawasan kelas' dalam ertikata mengawal disiplin, sahaja, dan menganggap 'pengurusan kelas' itu lebih berkaitan dengan merancang aktiviti bilik darjah atau aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

#### 2.4.2.6 Bentuk Penyeliaan yang sanggup diberi

Satu senarai bentuk penyeliaan disediakan. Responden dikehendaki memilih perkara-perkara yang mereka sanggup menyelia dan menyusunnya mengikut keutamaan kesanggupan. Jadual 5 menjelaskan susunan pilihannya.

Jadual 5 : Bentuk Penyeliaan Mengikut Berat Pertimbangan Pemilihan

Bil. = 382

Pilihan	Taburan yang diubahsuaikan mengikut berat keutamaan/							Skor	Rank No.
	1(x7)	2(x6)	3(x5)	4(x4)	5(x3)	6(x2)	7(x1)		
Perbincangan formal sebelum mengajar	119	88	72	0	43	30	2	1912	1
Perbincangan formal selepas mengajar	59	76	96	91	0	37	0	1787	3
Perbincangan tak formal bila perlu	126	115	16	12	2	0	2	1708	4
Pemerhatian dalam bilik darjah sahaja	124	64	0	87	64	0	5	1797	2
Memberi maklum -balas/tunjuk -ajar yang spesifik dan kritikan yang membina	26	95	91	73	27	20	7	1592	5
Pemerhatian di dalam dan luar bilik darjah (KO-K)	36	1	71	60	27	73	89	1172	6
Menilai Guru Pelatih melalui pemerhatian	9	4	7	12	34	27	39	380	7

Dari pilihan yang dibuat oleh responden, 'perbincangan formal sebelum mengajar' adalah bentuk penyeliaan yang paling sanggup dilaksanakan. Perkara-perkara seperti 'pemerhatian dalam bilik darjah', 'perbincangan formal selepas mengajar' dan 'perbincangan tak formal bila-bila masa' merupakan

bentuk penyeliaan yang juga sanggup diberi oleh pihak sekolah dalam urutan pilihan yang hampir sama penting.

Pihak sekolah meletakkan 'memberi maklumbalas/tunjukajar yang spesifik dan kritikan yang membina' sebagai pilihan yang ke 5. Ini diperjelaskan di dalam temubual di mana pihak sekolah menganggap, seperti juga dengan perkara 'menilai guru pelatih melalui pemerhatian', di mana ramai yang berkecuali, kerana pihak sekolah menganggap mereka tidak berhak menilai, menunjukajar, mengkritik guru pelatih oleh kerana mereka anggap perkara itu adalah hanya hak penyelia dari universiti.

#### 2.4.2.7 Kekerapan penyeliaan yang sanggup dilakukan

Satu senarai bentuk kekerapan penyeliaan dilberi. Pihak sekolah diminta memilih kekerapan yang sanggup mereka buat sekiranya mereka dikenyatakan menyelia. Jadual 6 menjelaskan pilihan mereka.

Jadual 6 : Kekerapan penyeliaan yang sanggup dilakukan

Bil. = 382

	Bilangan memilih	Peratusan
Setiap kali guru pelatih mengajar	1	0.2%
Dua kali dalam masa seminggu	73	19.0%
Sekali dalam masa seminggu	82	21.4%
Sekali dalam dua minggu	190	50.0%
Bila perlu	36	9.4%

Kekerapan penyeliaan yang paling sanggup dilaksanakan oleh pihak sekolah ialah sekali dalam masa dua minggu (50.0%). Bilangan yang ramai juga sanggup menyelia sekali dalam masa seminggu (21.4%). Sementara hampir semua tidak sanggup menyelia setiap kali guru pelatih mengajar.

#### 2.4.2.8 Pandangan pihak sekolah dalam menentukan gred terakhir guru pelatih

Apabila ditanya sama ada pandangan guru yang menyelia guru pelatih perlu diambil kira oleh pensyarah dalam menentukan gred terakhir guru pelatih, seramai 290 orang (76%) bersetuju, 84 orang (22%) tidak bersetuju sementara 8 orang (2%) berkecuali.

#### 2.4.2.9 Sumbangan penilaian oleh guru

Mengikut respon, sumbangan markah yang diberi oleh guru yang patut diambilkira dalam penilaian guru pelatih secara keseluruhan ialah:

318 orang (83.2%) menganggap 01% - 30% patut diberi, 52 orang (13.6%) menganggap 31% - 50% patut diberi, dan 13 orang (3.4%) menganggap lebih daripada 50% patut diberi. Ini menunjukkan bahawa pihak sekolah beranggapan sumbangan penilaian pihak sekolah ialah tidak melebihi 30%.

#### 2.4.2.10 Perkara-perkara yang perlu dinilai

Beberapa perkara disenaraskan untuk responden memilih corak kesesuaian perkara-perkara yang perlu dinilai itu mengikut tiga skala : sangat perlu, perlu atau tidak perlu, seperti Jadual 7.

Jadual 7 : Pandangan terhadap perkara-perkara yang perlu dinilai

Bil : 382

		Sangat Perlu	Perlu	Tidak Perlu
1.	Kemahiran mengajar	322 (84.4%)	49 (12.8%)	11 (2.8%)
2.	Sahsiah dan tingkahlaku	183 (47.9%)	196 (51.3%)	3 (0.7%)
3.	Sikap terhadap profesion	302 (79%)	68 (17.8%)	12 (3.1%)
4.	Hubungan dengan guru	133 (34.8%)	230 (60.2%)	9 (2.3%)
5.	Hubungan dengan murid	215 (56.2%)	165 (43.1%)	2 (0.5%)
6.	Hubungan dengan pentadbir	133 (34.8%)	236 (61.7%)	11 (2.8%)

Kemahiran mengajar merupakan perkara yang utama yang sangat perlu dinilai mengikut anggapan pihak sekolah, diikuti pula oleh sikap terhadap profesion, hubungan dengan murid dan sahsiah dan tingkahlaku.

Perkara-perkara lain seperti hubungan dengan guru dan hubungan dengan pihak pentadbir juga perlu dinilai.

#### 2.4.2.11 Keperluan Pendedahan untuk pihak sekolah sebelum menyella guru pelatih

Dari respon yang diberi oleh pihak sekolah, seramai 304 orang (79.5%) merasakan pendedahan perlu, 72 orang (19.0%) menganggap tidak perlu, sementara 6 orang (1.5%) berkecuali.